



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**

www.ijmoe.com



TAHAP KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KLANG, SELANGOR DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DARI ASPEK PENGETAHUAN

*READINESS LEVEL OF PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN KLANG DISTRICT,
SELANGOR IN THE IMPLEMENTATION OF IN-CLASS ASSESSMENT FROM
THE ASPECT OF KNOWLEDGE*

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi^{1*}, Norazimah Zakaria², Suhaila Muner³

¹ Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

² Faculty of Language and Communication, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: norazimah@fpm.upsi.edu.my

³ Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: suqayain@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.04.2021

Revised date: 20.04.2021

Accepted date: 03.05.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Hanapi, M. H. M., Zakaria, N., & Muner, S. (2021). Tahap Kesediaan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Klang, Selangor Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Dari Aspek Pengetahuan. *International Journal of Modern Education*, 3(9), 01-08.

DOI: 10.35631/IJMOE.39001

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kajian ini adalah usaha untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di sekolah. Antara matlamat PBD ialah untuk memastikan pendidikan yang diterima oleh murid adalah suatu keseronokan. Berdasarkan dapatan oleh Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said (2019), negara seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kanada adalah antara negara yang telah lama mengamalkan pentaksiran dalam sistem pendidikan mereka. Kajian ini secara keseluruhan memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif bagi menyelongkari dan memahami permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan PBD oleh guru di sekolah. Kaedah tinjauan semasa atau keratan lintang (*Cross- Sectional Survey*) akan digunakan berikutan saiz populasi yang besar. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat terhadap kajian tinjauan ini. Pengkaji akan menganalisis data menggunakan analisis deskriptif. Dapatkan data yang diperoleh dari soal selidik yang diedarkan kepada 500 orang responden melalui analisis menggunakan statistik deskriptif yang dijelaskan melalui pengiraan analisis frekuensi kekerapan, nilai min, peratusan dan sisihan piawai menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah tinggi dalam pelaksanaan PBD di sekolah. Selain itu, melalui ujian Anova sehala dalam kajian ini mendapat terdapat perbezaan secara signifikan yang kecil antara pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dengan tempoh perkhidmatan mereka. Walaupun

semua guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, data menunjukkan guru yang berkhidmat lebih lama mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi berbanding guru yang baru berkhidmat. Kesimpulannya, tahap pelaksanaan PBD di Sekolah Rendah Negeri Selangor adalah adalah tinggi. Implikasi kajian ini diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah, kaedah atau pendekatan yang boleh diguna pakai dalam usaha meningkatkan tahap pengetahuan guru semasa pelaksanaan PBD.

Kata Kunci:

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pengetahuan Guru, Pendidikan Abad Ke-21, PAK-21)

Abstract:

This study is an attempt to identify teachers' level of knowledge in the implementation of In-class Assessment in schools. Among the purposes of PDB is to ensure the pupils find the education acquired enjoyable. According to the findings by Halimah Jamil and Rozita Radhiah Said (2019), South Korea, the United States of America and Canada are among the countries that have long practiced assessment in their education system. As a whole, this research opted to use the quantitative research method to uncover and understand problems that occur in the implementation of PBD by teachers in schools. The Cross-Sectional Survey method will be used due to the huge size of the population. The researcher uses questionnaires as a tool for this survey. The researcher will use descriptive analysis to analyse the data. The data findings, obtained from the questionnaires distributed to 500 respondents which are later analysed using descriptive statistics through calculations on the frequency analysis, mean value, percentage, and standard deviation, show that the level of teachers' comprehension in the implementation of PBD in schools is high. Aside from that, through the one-way Anova test in this research, small significant differences are seen between the teachers' knowledge in the implementation of PBD and their year of service. Although all teachers have a high level of knowledge, the data shows that teachers who have been in service longer have a higher level of knowledge compared to those who are new in service. In conclusion, the implementation level of PBD in Primary Schools in the state of Selangor is high. It is hoped that the implication of this study will help to solve problems, or to determine methods or approaches that can be applied in the effort to increase teachers' level of knowledge during the implementation of PBD.

Keywords:

In-Class Assessment, Teachers' Knowledge, 21st Century Education

Pengenalan

Perkembangan murid secara holistik tidak akan tercapai sekiranya pengajaran yang diterima hanya berfokus kepada peperiksaan semata-mata. Kenyataan ini dipersetujui Datuk Dr. Amin bin Senin (Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia) melalui kenyataannya dalam Berita Harian bahawa kaedah peperiksaan hanya akan menyebabkan pembelajaran dalam bilik darjah semakin tidak berfokus. Murid perlu diberi peluang untuk lebih aktif di sekolah. Tahap perkembangan murid dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Guru perlu mentaksir dan mengklasifikasikan perkembangan mereka

dari segala aspek. Kecemerlangan murid dalam bidang akademik bukanlah kayu pengukur kejayaan mereka.

Dalam konteks pendidikan, pentaksiran ialah proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat berkaitan pembelajaran seseorang bagi sesuatu tujuan Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2000). Dapat disimpulkan bahawa pentaksiran dalam pendidikan merupakan proses berterusan untuk menginterpretasi maklumat yang diperolehi semasa dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat perancangan yang seterusnya.

Buku Melangkah Ke Hadapan: Fokus dan Gerak Kerja KPPM 2018, menyatakan bahawa pentaksiran yang dijalankan di peringkat sekolah rendah bertujuan untuk membantu guru mengenal bakat, kecenderungan dan potensi murid. Manakala di peringkat menengah pula, ia dapat membantu guru untuk memperkembangkan bakat, kecenderungan serta potensi murid tersebut. Justeru, pentaksiran perlu dijalankan secara holistik dan telus. Oleh itu, pengetahuan yang mendalam dalam melaksanakan pentaksiran perlu dimiliki oleh guru.

Tinjauan Literatur

Kajian oleh Aniza, (2014) terhadap pelaksanaan PBS guru Bahasa Melayu, mendapati ramai guru kurang pengetahuan dan kemahiran menyebabkan mereka belum bersedia melaksanakan PBS. Selain itu, Halimah Jamil, (2019) mendapati guru kurang pengetahuan dalam memberi penskoran secara lisan. Mohd Azhar dan Sharir, (2007) mendapati guru tidak tahu menggunakan teknik soalan sebagai pentaksiran formatif. Guru juga tidak tahu menggunakan aktiviti dalam kelas untuk mentaksir, tetapi menggunakan sebagai teknik pengajaran.

Berbeza dengan kajian oleh Puteri Rothiah Megat Yahaya, (2018) di daerah Kinta Utara menunjukkan pengetahuan guru terhadap PBD membantu kesediaan mereka dalam melaksanakan PBD adalah tinggi. Begitu juga kajian oleh Sh. Siti Hauzimah Wan Omar, (2018) mendapati pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah tinggi. Kajian-kajian lepas menunjukkan perbezaan dapatan kajian terhadap pengetahuan guru. Kajian dari pengkaji terdahulu menjelaskan bahawa pengetahuan merupakan elemen penting dalam pelaksanaan PBD. Dengan pengetahuan, guru dapat melaksanakan PBD dengan lebih baik. Kekurangan pengetahuan akan menyebabkan guru kurang berkeyakinan dalam memberi penskoran, seterusnya mengakibatkan penskoran tidak diberi secara telus. Kekurangan dalam pengetahuan terhadap PBD ini juga akan menyebabkan guru tidak bersedia menghadapi sebarang perubahan. Malah, ia turut memberi kesan kepada perkembangan murid. Guru tidak dapat mengesan perubahan terhadap perkembangan murid seterusnya akan menyebabkan bakat atau kebolehan mereka disia-siakan.

Masalah Kajian

Hakikatnya, konsep PBD dalam mentaksir secara formatif sudah lama dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Namun, apabila ia melibatkan keputusan terhadap pentaksiran, sudah pasti membawa kebimbangan kepada guru-guru kerana mereka adalah agen pelaksana kurikulum (Kiddie, 2018). Perkara ini menimbulkan banyak persoalan. Tempoh masa hanya dua tahun pelaksanaan PBD mungkin tidak dapat membantu guru-guru mengetahui dan memahami konsep serta pelaksanaan PBD secara menyeluruh. Pelaksanaan tanpa pengetahuan akan menimbulkan masalah pada perkembangan murid. Kajian dari Kumaran Gengatharan & Azali bin Rahmat, (2019) yang menyatakan bahawa guru-guru memerlukan

model pentaksiran pendidikan kesihatan untuk membantu dalam melaksanakan PBD. Ini menunjukkan bahawa guru kurang pengetahuan untuk membina item pentaksiran dalam PBD. Mereka lebih menjurus kepada mengambil soalan-soalan yang terdapat pada buku latihan atau contoh-contoh soalan lepas. Isu-isu seperti ini tidak boleh dipandang ringan kerana pelaksanaan PBD melibatkan banyak pihak.

Perubahan yang dilakukan terhadap sistem pentaksiran di Malaysia merupakan usaha kerajaan terhadap kesamarataan pendidikan di peringkat global. Berdasarkan dapatan oleh Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said (2019), negara seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kanada adalah antara negara yang telah lama mengamalkan pentaksiran dalam sistem pendidikan mereka. Walaupun Malaysia agak kelewatan dalam menjalankan pentaksiran, namun usaha ini seharusnya diterima baik oleh semua pihak demi merealisasikan matlamat negara. Ini berdasarkan kepada konsep pentaksiran itu yang mampu membawa perkembangan murid.

Metodologi

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD. Kaedah kajian bagi makalah ini adalah kaedah kuantitatif. Kaedah tinjauan telah dipilih oleh pengkaji sebagai reka bentuk kajian ini. Kaedah tinjauan yang dilaksanakan ialah tinjauan semasa atau keratan lintang (Cross- Sectional Survey). Ini berikutan kajian ini menggunakan saiz populasi yang besar dan memperoleh maklumat secara soal selidik sekali sahaja. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat terhadap kajian tinjauan ini. Pengkaji akan menganalisis data menggunakan analisis deskriptif. Ini kerana kajian ini melibatkan frekuensi, pengiraan min, medium dan mod. Kajian ini hanya melibatkan lebih kurang 500 orang guru yang terdiri daripada guru lelaki dan guru perempuan. Responden kajian adalah di kalangan guru-guru yang mengajar di daerah Klang, Selangor.

Analisis Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh adalah merujuk kepada maklum balas responden seramai 500 orang guru daripada sekolah rendah di daerah Klang, Selangor. Borang soal selidik telah diguna pakai bagi mendapatkan data. Program SPSS Windows versi 21.0 telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh bagi mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan yang diperoleh adalah untuk menjawab semua persoalan kajian.

Analisis Persoalan Kajian: Apakah Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan PBD?
Bahagian ini merupakan laporan dapatan kajian dalam bahagian B iaitu mengenai pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD. Hasil dapatan melalui soal selidik yang diberi, ditunjukkan dalam bentuk jadual min dan juga sisihan piawai. Berdasarkan jadual 4.6, didapati nilai min yang tertinggi antara semua item adalah 4.49 dan nilai min terendah adalah 3.98. Julat min bagi item dalam pengetahuan guru ialah sebanyak 0.51. Nilai min bagi pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD secara keseluruhan pula ialah ($\text{min} = 4.3529$, $\text{sp} 0.45412$). Ini menjelaskan bahawa pengetahuan guru bagi item-item yang dikaji terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi.

Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

| Item | Penyataan | Min | SP | Interpretasi |
|------|--|------|-------|--------------|
| B1 | Saya tahu melaksanakan PBD semasa proses PdPc. | 4.35 | 0.587 | Tinggi |
| B2 | Saya tahu menetapkan Tahap Penguasaan (TP) murid mengikut perkembangan mereka. | 4.27 | 0.585 | Tinggi |
| B3 | Saya tahu bahawa PBD dilaksanakan semasa proses PdPc. | 4.39 | 0.583 | Tinggi |
| B4 | Saya tahu bahawa PBD dilaksanakan secara berterusan. | 4.49 | 0.557 | Tinggi |
| B5 | Saya tahu bahawa aktiviti yang dijalankan dalam kelas merupakan sebahagian daripada PBD. | 4.48 | 0.561 | Tinggi |
| B6 | Saya tahu bahawa penilaian kendiri murid adalah antara kaedah PBD | 4.33 | 0.632 | Tinggi |
| B7 | Saya tahu bahawa pemerhatian dari kalangan rakan sebaya murid adalah antara kaedah PBD | 3.98 | 0.812 | Tinggi |
| B8 | Saya tahu bahawa pelaporan PBD dilakukan dua kali setahun | 4.49 | 0.602 | Tinggi |
| B9 | Saya tahu bahawa PBD menekankan bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran dan bukan penguasaan kandungan mata pelajaran. | 4.27 | 0.653 | Tinggi |
| B10 | Saya tahu bahawa setiappentaksiran perlu mengikuti DSKP mata pelajaran tersebut. | 4.45 | 0.584 | Tinggi |
| B11 | Saya tahu bahawa PBD bukan bertujuan untuk membandingkan pencapaian murid. | 4.43 | 0.650 | Tinggi |
| B12 | Saya tahu bahawa pelaksanaan PBD perlu mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. | 4.46 | 0.594 | Tinggi |
| B13 | Saya tahu bahawa PBD mempunyai tiga tujuan iaitu untuk pembelajaran, sebagai pembelajaran dan tentang pembelajaran. | 4.24 | 0.667 | Tinggi |

| | | | | |
|-----|--|--------|--------|--------|
| B14 | Saya tahu bahawa pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan perkembangan murid secara menyeluruh. | 4.31 | 0.641 | Tinggi |
| B15 | Saya tahu bahawa pengetahuan terhadap pelaksanaan PBD dapat memberi keyakinan kepada guru untuk mentaksir murid. | 4.33 | 0.646 | Tinggi |
| | Jumlah Keseluruhan | 4.3529 | .45412 | Tinggi |

Hasil analisis dari 15 item yang disenaraikan mendapati bahawa guru mempunyai pengetahuan dalam melaksanakan PBD. Guru juga tahu untuk menetapkan tahap penguasaan murid yang bersesuaian dengan perkembangan mereka. Selain itu, guru turut mempunyai pengetahuan bahawa PBD dilaksanakan semasa proses PdPc dan tahu ia perlu dijalankan secara berterusan sepanjang PdPc. Guru juga tahu bahawa aktiviti yang dijalankan di dalam kelas merupakan sebahagian daripada PBD, malah guru turut mengetahui bahawa penilaian kendiri dan pemerhatian dari rakan sebaya boleh dijadikan sebagai PBD. Guru juga tahu pelaporan dilakukan sebanyak dua kali setahun, PBD mengukur penguasaan kemahiran, PBD perlu mengikuti DSKP, konsep PBD yang tidak membandingkan murid, PBD perlu mengikuti garis panduan KPM, guru tahu PBD mempunyai tiga tujuan, PBD mampu meningkatkan perkembangan murid dan guru juga tahu bahawa pengetahuan terhadap PBD dapat meningkatkan keyakinan guru untuk mentaksir murid. Kesemua item yang disenaraikan menunjukkan pengetahuan guru berada pada tahap yang tinggi. Jadual 4.8 di bawah menunjukkan analisis frekuensi dan peratus keseluruhan pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD.

Frekuensi Dan Peratusan Keseluruhan Aspek Pengetahuan Guru

| Nilai Min | Frekuensi | Peratus | Tahap |
|-------------|-----------|---------|-----------|
| ≤ 2.33 | 0 | 0 | Rendah |
| 2.34 – 3.66 | 11 | 2.2 | Sederhana |
| ≥ 3.67 | 489 | 97.8 | Tinggi |

Berdasarkan jadual 4.8, analisis frekuensi bagi perspektif umum untuk tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD menunjukkan tiada pengetahuan yang berada pada tahap rendah, hanya 11 responden iaitu 2.2% mempunyai tahap sederhana dan seramai 489 iaitu 97.8% berpengetahuan pada tahap yang tinggi. Ini bermakna guru-guru di Negeri Selangor amnya dan Daerah Klang khususnya tahu tentang pelaksanaan PBD. Mereka telah diberi pendedahan dan maklumat berkaitan PBD dengan sangat baik. Namun pengetahuan tanpa sokongan tidak dapat membantu pelaksanaan PBD dengan baik seterusnya meningkatkan perkembangan murid. Oleh itu, persoalan kedua akan melihat tahap sokongan pentadbir sebagai pemimpin di sekolah dalam melaksanakan PBD.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran bahawa tahap pelaksanaan PBD di sekolah rendah daerah Klang, Selangor adalah tinggi. Ini dapat dilihat melalui dapatan tahap pengetahuan guru yang tinggi dalam pelaksanaan PBD di sekolah mereka. Dapatkan data yang diperoleh dari soal selidik yang diedarkan kepada 500 orang responden melalui analisis menggunakan statistik deskriptif yang dijelaskan melalui pengiraan analisis frekuensi kekerapan, nilai min, peratusan dan sisihan piawai. Walaupun semua guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, data menunjukkan guru yang berkhidmat lebih lama mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi berbanding guru yang baru berkhidmat.

Guru merupakan agen pelaksana yang menentukan keberhasilan sebarang perubahan yang dilaksanakan oleh KPM dalam meningkatkan sistem pendidikan negara. Pembelajaran abad ke-21 adalah salah satu usaha yang dilaksanakan oleh KPM melalui PPPM 2013-2025 dalam merealisasikan matlamat pendidikan ke arah pendidikan bertaraf dunia. Ianya sejajar dengan pelaksanaan kurikulum baru iaitu KSSR yang bermula semenjak tahun 2011 dan KSSR (Semakan) yang bermula pada tahun 2017. Oleh yang demikian, guru-guru perlu sentiasa bersedia mempersiapkan diri daripada pelbagai aspek ke arah pembentukan pendidikan abad ke-21.

References

- Abdul Mutalib, S. & Jamil Ahmad, J. (2012). Pembangunan Teknik Pentaksiran Formatif dalam Subjek Bahasa Melayu Darjah Satu : Kajian Kes. Selangor: UKM.
- Akbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan. (2002). Penilaian Prestasi Berasaskan Sekolah: Pelaksanaan dan Kesediaan Guru. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Menengah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar, Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5 (1):18-29.
- Azhar Abd. Hamid. (2004). Kreativiti : Konsep Teori & Praktis. Johor: UTM.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fawziah Yahya. (2005). Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Gengatharan, K., & Rahmat, A. (2019). Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani, 8 (2), 19-27.
- Habibah Mat Rejab. (2016). Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. Malaysia Journal of Sciences and Humanities. Vol. 3. Issue. 4.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1 st ed Jan-Feb 2019) : Info Media , 9 Intervensi Kurangkan Beban Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2001-2010. Perancangan Bersepadu Penjana Pendidikan, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Mohammad Azhar Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan Pentaksiran untuk Pembelajaran di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan* 27(1):19-39.
- Mohammad Najib Abdul Ghaffar. (2011). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Johor: UTM.
- Mohd Faizal Mohd Yunus, Samsairee Shamsuddin & Yusaini Kasiron Sisc+. (2017). Tahap Kesedaran Guru Terhadap Kefungsian Pentaksiran Dalam Merancang Program Berimpak Tinggi.
- Norsyuhadah Maskan. (2013). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Mata Pelajaran Sains Di Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor.
- Peng, C.F., (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 1-11.
- Puteri Rothiah Megat Yahaya. (2018). Amalan Pentaksiran Bilik Darjah Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ulu Kinta (disertasi) Tanjong Malim: UPSI.
- SH. Siti Hauzimah Wan Omar. (2018). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah (disertasi) Tanjong Malim: UPSI.
- Yates, A., & Johnston, M. (2018). The impact of school-based assessment for qualifications on teachers' conceptions of assessment. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 638-654.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Mohd Yusoff. (2010). *Pentaksiran Bilik Darjah: Panduan Untuk Guru Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.